

KEJUTAN AIR NAIK

Oleh Safuri Kamarudin
am@hmetro.com.my
Baling

■ Wanita warga emas dibawa ke hospital gara-gara pening rumah banjir kali kedua dalam tempoh 3 hari

Seorang wanita warga emas dikejarkan ke Hospital Baling, di sini, selepas terkejut apabila air naik secara mendadak ke dalam rumahnya berikutan hujan lebat berterusan dalam kejadian di Kampung Kedai, Titi Teduri, Mukim Pulau, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 10 pagi, mangsa, Esah Abdullah, 95, yang uzur difahamkan tinggal bersendirian di rumahnya dan hanya bergantung kepada cucunya yang tinggal bersebelahan untuk memberi bantuan.

Cucunya, Hasliza Shabudin, 38, berkata, neneknya terkejut dan pening kepala apabila mendapati air naik satu meter kali ini

berbanding sebelum ini.

Menurutnya, keadaan neneknya yang tidak sihat menyebabkan dia meminta bantuan pasukan penyelamat membawa warga emas itu ke tempat selamat.

"Alhamdulillah, dengan bantuan anggota Jabatan

Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), akhirnya nenek dibawa keluar dan dihantar ke Hospital Baling untuk pemeriksaan kesihatan," katanya.

Menurutnya, kedudukan rumah mereka yang berhampiran tebing Sungai Ketil menyebabkan air masuk dengan cepat dan ia kejadian kedua

dalam tempoh tiga hari.

"Apa pun kami bersyukur kerana anggota JPAM datang cepat untuk menyelamatkan bagi mengelakkan nenek terperangkap," katanya memaklumkan banyak peralatan mengalami kerosakan akibat terkena air banjir.

Katanya, mereka sekeluarga baru saja bergotong-royong membersihkan rumah

dua hari lalu, tetapi air masuk sekali lagi sebelum sempat kering, semalam menyebabkan semua perabot tidak dapat diselamatkan.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Baling Shamsul Izrin Isahak berkata, setakat jam 5 petang semalam, 350 penduduk membabitkan 87 keluarga

ditempatkan di 11 pusat pemindahan sementara selepas rumah mereka dinaiki air sejak malam kelmarin.

Menu-

rutnya, hujan lebat sejak jam 6 petang kelmarin menyebabkan air Sungai Ketil melimpah dengan cepat.

Katanya, antara kawasan terjejas ialah Kampung Carok Bendang, Tanjung Pari, Batu 60, Bukit Sebelah, Weng Dalam, Weng Luar, Banggol Derom, Kampung Siput, Lahar, Seri Ketangga, Haji Abas, Kampung Baru dan Kampung Lalang.

"Operasi memindahkan mangsa ke pusat pemindahan sementara dilakukan pasukan penyelamat membabitkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), JPAM serta dibantu polis dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)," katanya.

FAKTA
350 penduduk ditempatkan di 11 pusat pemindahan sementara



FOTO: SHAHRIZAL MD NOOR

ANGGOTA JPAM mengusung Esah untuk dibawa ke Hospital Baling.